

KESEJAHTERAAN HIDUP WARGA EMAS: PERSEPSI WARGA EMAS TERHADAP PENUBUHAN PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS (PAWE) DI MARANG, TERENGGANU

(Eldery Perception Toward Establishment Of Eldery Activity Center (Pawe): A Case Study In Marang, Terengganu)

Nor Azila Salleh, Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid* & Nik Norliati Fitri Md. Nor

ABSTRAK

Populasi warga menua saban hari semakin meningkat di seluruh dunia termasuklah Malaysia. Lazimnya, warga emas mempunyai keupayaan fizikal yang terbatas serta sering menghadapi kesukaran untuk menjaga dan mengurus diri mereka sendiri. Tanggungjawab menjaga ibu bapa yang sudah tua menjadi satu cabaran besar buat anak-anak yang tidak mampu untuk menjaga ibu bapa mereka. Menyedari isu penuaan di Malaysia adalah perkara penting yang perlu diambil perhatian, Dasar Warga Emas Negara (DWEN) telah digubal di negara ini pada tahun 1995 dan telah mendapat penambahbaikan pada 5 Januari 2011. Bertitik tolak daripada hal ini, Malaysia telah menubuhkan satu pusat aktiviti warga emas, khas untuk keluarga yang memerlukan penjagaan warga emas ketika mereka keluar bekerja. Tempat ini dikenali sebagai Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Satu kajian telah dilakukan bagi melihat persepsi warga emas terhadap pusat aktiviti warga emas di salah sebuah PAWE di negeri Terengganu. Kajian persepsi warga emas ini bertujuan untuk mengkaji sejauhmana penubuhan PAWE, Marang membantu memberi kesejahteraan kepada golongan mereka. Di samping itu, kajian akan membincang tentang implikasi peningkatan warga emas di negeri ini. Kajian kuantitatif ini menggunakan borang soal selidik melalui kaedah pensampelan bertujuan (*puposive sampling*) yang melibatkan 100 orang responden yang merupakan komuniti berumur 60 tahun dan ke atas yang tinggal di daerah Kuala Terengganu dan daerah Marang, Terengganu. Data dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Hasil kajian mendapati bahawa responden bersetuju PAWE Marang dapat mensejahterakan warga emas di samping dapat menjalani hidup yang lebih baik dan sejahtera. Kajian ini boleh dimanfaatkan pihak kerajaan dalam merangka dan menyusun strategi bagi membolehkan kesejahteraan hidup warga emas terjamin.

Kata kunci: penjagaan, warga emas, PAWE, peningkatan, kesejahteraan,

PENGENALAN

Warga emas boleh didefinisikan populasi manusia yang mempunyai hayat 60 tahun dan ke atas. Definisi dibuat berdasarkan kepada pengdefinisan yang dikeluarkan oleh "World Assembly On Ageing 1982 di Vienna yang mendefinisikan populasi emas adalah populasi manusia yang mempunyai hayat 60 tahun dan ke atas (Jabatan Kebajikan, 2019). Ahli gerontologi mendefinisikan warga emas kepada dua kategori. Kategori pertama ialah golongan yang berusia 65 tahun hingga 74 tahun boleh dikatakan golongan usia tua-muda dan kategori kedua adalah golongan usia tua-tua iaitu populasi manusia yang berumur 75 tahun dan ke atas.

Kajian yang dibuat oleh Universiti Harvard mengenai jangkaan usia warganegara ini menyatakan bahawa dijangkakan usia populasi lelaki di Malaysia berpurata 73 tahun berbanding populasi wanita adalah berusia 79 tahun (Astro Awani, 2019). Sebuah negara akan berfenomena ketuaan jika populasi warga emas mencatatkan 7 peratus dari semua populasi penduduk menurut pernyataan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Warga Emas mempunyai keupayaan fizikal yang terbatas dan menghadapi kesukaran untuk menjaga dan mengurus diri sendiri. Mereka memerlukan bantuan orang lain untuk mengurus diri atau membuat pelakuan fizikal seperti berdiri, duduk, berjalan, mandi dan menjamu selera. Oleh itu, banyak negara telah mengambil inisiatif mendirikan pusat jagaan.

Isu penuaan yang bakal dihadapi kelak merupakan hal terpenting yang mesti diberi perhatian. Oleh sebab itu, kerajaan Malaysia menerusi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang mana perlaksanaan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengubah Dasar Warga emas Negara 1995 dan Pelan Tindakan Dasar Warga emas Negara (PTWEN) 1999. Dasar ini mendapat penambahbaikan pada 5 Januari 2011 yang dikenali sebagai Dasar Warga Emas Negara (DWEN). Dari aspek penyediaan pusat jagaan iaitu penjagaan sepenuh masa, pihak JKM telah menyediakan Rumah Seri Kenangan (RSK) bagi orang tua yang dapat mengurus diri manakala Rumah Ehsan (RE) pula disediakan bagi orang tua yang terlantar dan tidak berupaya mengurus diri serta penjagaan sepenuh masa diseluruh Malaysia manakala orang tua-tua yang tidak mempunyai seseorang untuk menjaga mereka pada waktu siang lantaran anak-anak keluar bekerja dapat terjaga kebajikan mereka dengan pergi ke pusat jagaan harian atau dikenali sebagai Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di bawah DWEN sejak tahun 2011 bagi mendepani permasalahan warga emas pada masa sekarang dan masa depan. PAWE ialah satu pusat aktiviti yang menyediakan perkhidmatan penjagaan secara harian untuk warga emas terutamanya bagi orang tua duduk seorang diri di rumah semasa anak-anak pergi mencari rezeki. Di sini, mereka dapat berdikari, berkomunikasi dengan rakan sebaya dan komuniti selain mendapat ilmu dan kepakaran dan memberi perkhidmatan sukarela kepada komuniti. Jumlah PAWE dapat memberikan kesan positif melalui pertambahan jumlah PAWE daripada 22 buah kepada 88 buah di seluruh Malaysia pada tahun 2020 dan kemasukan ke PAWE adalah percuma.

KAJIAN LITERATUR

Peranan menjaga ibu bapa adalah tanggungjawab setiap anak. Namun perubahan ekonomi dan taraf hidup menyebabkan golongan wanita terpaksa keluar bekerja untuk membantu suami. Tekanan kehidupan dan hidup terdesak keluarga luas menjadi keluarga nukleas dan penambahan golongan wanita dalam pekerjaan mengakibatkan pengurangan masa untuk menjaga warga emas khususnya kepada orang tua yang mempunyai masalah kesihatan (Rahimah et, al. 2015). Tanggungjawab menjaga ibu bapa yang tua yang kebiasaannya digalas oleh kaum wanita menjadi satu cabaran besar penduduk Malaysia akibat penuaan penduduk kerana kegagalan anak-anak untuk menjaga ibu bapa dalam mensejahterakan kehidupan mereka. Orang yang lebih tua tidak boleh merasai kasih sayang dan kehilangan perasaan disayangi sehingga merasakan tersisih dan sunyi dalam mendepani hidup sehari-hari. Kajian Noraini Che' Sharif et, al. (2015) membuktikan bahawa pengurangan perhatian dan penjagaan menyeluruh mengakibatkan orang tua tidak merasakan kasih sayang untuk merasai hari tua yang sejahtera. Selain emosi yang terabai, kewangan dan kebendaan juga boleh diabaikan anak dewasa dalam tanggungjawab memberi sara hidup dan ada anak dewasa yang meminjam wang dari ibu bapa. Alasan pekerjaan dan lokasi penempatan, kurang interaksi orang tua dan anak

dewasa, ketidakbolehpercayaan orang tua bahawa anak dewasa mampu menjaga mereka, sikap mereka, bebanan kewangan anak dewasa dan tahap kesihatan orang tua menyebabkan berlakunya pengabaian populasi emas.

Kegagalan anak-anak menjaga orang tua mengakibatkan orang tua dimasukkan ke pusat pengendalian jagaan orang tua milik Kerajaan ataupun swasta tidak kira secara harian ataupun sepenuh masa. Dalam hal sebegini, banyak punca boleh menjadi sebab utama kemasukan orang tua di kebanyakan pusat jagaan. Kajian Thamil Chelvi & Suresh Kumar (2017), menyatakan bahawa punca ketiadaan dankekangan saudara atau ahli keluarga untuk menjaga orang tua, tahap kesihatan orang tua dan masalah kewangan orang tua serta karenah orang tua itu sendiri yang tidak ingin membebani anak dewasa supaya menjaga mereka menyebabkan mereka lebih cenderung untuk memilih tinggal di Rumah Seri Kenangan. Selain itu, sibuk dengan pekerjaan, sibuk belajar, masalah keluarga,kekangan kewangan dan tiada destinasi yang sesuai dengan orang tua mereka untuk mendapatkan rawatan adalah punca-punca kekangan anak dewasa untuk menjaga orang tua yang sakit. Walaupun begitu, anak-anak adalah aset dan benda yang bernilai kepada orang tua yang tidak berupaya dan sakit terlantar (Khadijah et.al, 2015). Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa orang tua mengharapkan bantuan dan sokongan dari segi fizikal dan emosi yang mantap dari anak dewasa dan ahli keluarga lain untuk menjalani hidup yang lebih baik (Rahimah, 2015). Faktor kewangan sememangnya sangat penting bagi warga emas membuat persediaan pada masa tua. Kecenderungan populasi emas untuk kekal aktif, cergas dan sihat sangat bergantungan dengan duit yang mengcukupi bagi memenuhi keadaan pada masa kini dan pergaulan dalam komuniti. Kajian oleh Suridah (2016), menyatakan bahawa asas kewangan orang tua lelaki dan wanita di Besut, Terengganu, setelah mencapai usia tua terbahagi kepada penceن, bantuan kewangan dari anak dewasa, sumber sendiri jika masih bekerja dan pendapatan dari aset yang ada misalnya rumah sewa atau kedai sewa.

Kajian Nik Norliati et, al. (2021) juga menyatakan bahawa populasi emas di Mukim Ulu Cheka dan Mukim Teh, Pahang mendapat bantuan dari anak dewasa sebagai sumber pendapatan di samping mempunyai kewangan sendiri, faedah persaraan, bantuan kebajikan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan sumber lain seperti hasil kebun dan ternakan ikan air tawar. Umum berpendapat, masalah kewangan dalam kalangan orang tua dapat diatasi melalui program pendidikan dan latihan, perancangan menyimpan dan program menawarkan pekerjaan kepada orang tua namun hal ini tidak efektif tetapi pengukuhan keselamatan sosial melalui aspek perubatan percuma bukan hanya di hospital kerajaan, pengagihan kad rawatan kelas pertama dan program lain yang difikirkan sesuai adalah lebih baik (Nik Norliati et, al.2021). Kajian Thamil Chelvi & Suresh Kumar et, al. (2017) menyatakan bahawa populasi emas yang berada di Rumah Seri Kenangan sangat seronok tinggal di tempat ini jika hendak dibandingkan dengan keadaan hidup sebelum ini yang mereka lalui. Mereka sangat berpuas hati mengenai kemudahan tempat tinggal, tempat istirehat, sikap ambil peduli dan ramah mesra organisasi yang mengurus serta kesihatan dan pemakanan sangat terjaga kerana mempunyai jadual yang telah ditetapkan. Selain itu, ada populasi emas membuat pilihan berada di sini bagi mendalami ilmu agama. Contohnya, kajian Nor Raudah Siren (2015) membuktikan bahawa orang tua yang membuat pilihan berada di Kompleks Warga Emas al-Jenderami bukan hanya kemudahan yang disediakan mengcukupi dan selesa tetapi sebenarnya ingin melakukan ibadat, menambah ilmu agama dan penginapan yang terbaik bersama rakan sebaya. Penginapan terbaik adalah kerana kemudahan-kemudahan yang disediakan dan pakej makan minum yang sudah tersedia pada setiap waktu makan.

Kajian Rosfazila Abd. Rahman et, al. (2018) pula berpendapat bahawa warga emas yang tinggal di Rumah Ehsan yang menempatkan pesakit melarat ataupun warga emas yang terlantar juga mendalmi ilmu agama tidak kira agama dan bangsa penghuni di situ berdasarkan tahap ingatan mereka. Keterlibatan orang tua dalam aktiviti pergaulan boleh menolong orang tua berinteraksi dalam komuniti yang mana dengan tidak langsung mengaktifkan kefungsian kognitif. Hal ini dapat mengurangkan daya ingatan merosot. (Agnes Sombuling et al 2017). Hal ini kerana orang tua yang pasangannya meninggal akan menjadi pasif dan banyak menghabiskan masa dengan bermain dengan anak cucu di rumah. Keadaan populasi menua adalah satu isu yang besar di negara ini. Oleh yang demikian, satu rancangan yang kondusif hendaklah dilaksanakan pemerintah dan pihak berkenaan. Pemilihan hidup pada masa tua oleh bakal orang tua perlu diketahui untuk memudahkan rancangan pelaksana memenuhi keinginan orang tua. Nur Syakiran Akmal Ismail e.al. (2017) mendapatkan warga emas lebih sangat menginginkan hidup seorang diri di rumah atau memilih kehidupan lebih berdikari daripada tinggal bersama anak mereka. Kajian Noraini Che' Sharif et, al. (2015) membuktikan sebab utama orang tua ingin hidup seorang diri di rumah kerana tidak yakin dengan anak mereka oleh itu orang tua lebih menyukai tinggal berseorangan walaupun uzur.

Di Thailand pula, peluang kerja yang terbuka dengan banyaknya di kawasan bandar menghalang anak tinggal menetap dengan ibu bapa. Kerajaan Thailand telah memperkenalkan program "*Excellent Happy Home Ward*" yang bertempat di mukim Khao Phra Ngam, daerah Mueng dijalankan oleh Perbandaran Khao Phra Ngam sejak tahun 2015. Program ini adalah model terbaik di Thailand kerana dikendalikan oleh masyarakat setempat untuk rakyat tempatan kerana sejumlah sukarelawan dilatih sebagai pengurus penjagaan untuk merawat pesakit uzur dan warga emas. Negara Thailand juga menyediakan robot yang boleh menjaga warga emas seperti di Jepun. Menurut Punnotok, Dinsow robot telah dibangunkan dan dilancarkan pada tahun 2015 telah digunakan untuk menjaga warga emas atau pesakit melalui pemantauan gerakan tubuh seperti tanda-tanda penting dilengkapi sensor berfungsi untuk teleperubatan dengan doktor. Kesibukan arus pembangunan menyebabkan golongan wanita juga terpaksa keluar bekerja. Tidak dapat dinafikan sistem kekeluargaan akan menjadi renggang disebabkan oleh desakan hidup yang mana ahli keluarga terpaksa keluar bekerja bagi memenuhi keperluan hidup sekeluarga. Ini menyebabkan tiada sesiapa yang boleh menjaga orang tua ketika mereka keluar bekerja. Kehidupan yang semakin mencabar menyebabkan ahli keluarga seperti anak dan saudara-mara memerlukan bantuan dari pihak luar untuk menjaga mereka. Hal ini menunjukkan peningkatan populasi emas adalah cabaran sosial yang terpenting yang harus mendapat perhatian dan tiga cabaran yang akan dilalui oleh orang tua iaitu permasalahan kewangan, kesihatan yang terjaga dan sokongan emosi (Zainab & Wan Ibrahim, 2015).

Di Malaysia, badan-badan Kerajaan mahu pun bukan Kerajaan telah memberi pelbagai kemudahan dan perkidmatan dalam mensejahterakan populasi warga emas. KPWKM yang mana agen perlaksana ialah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah memberi khidmat dalam mensejahterakan populasi Emas melalui penubuhan PAWE. PAWE atau pusat jagaan JKM diuruskan NGO sejak tahun 2012. Penubuhan ini adalah salah satu langkah untuk memastikan warga emas tidak diabaikan di Malaysia. Walau bagaimanapun, tidak semua anak gagal menjalankan tanggungjawab terhadap ibu bapa yang merupakan warga emas. Anak-anak yang mempunyai kekangan masa kerana faktor keluar bekerja masih boleh memikul tanggungjawab mereka untuk menjaga ibu bapa dengan memilih pusat jagaan harian. Pusat jagaan harian ini memberikan penjagaan dan perlindungan kepada warga emas ketika anak-anak keluar bekerja. Penubuhan PAWE sangat penting untuk memastikan bahawa orang tua

tidak diabaikan oleh anak-anak mereka kerana pada waktu siang ibu bapa mereka tinggal di PAWE dan pada waktu malam warga emas boleh tinggal bersama anak-anak mereka dan merasai kasih sayang keluarga. Selain itu, anak-anak tidak perlu risau tentang keselamatan ibu bapa mereka ketika mereka sibuk bekerja. Pilihan berada di pusat jagaan harian adalah pilihan yang dibuat oleh anak atau keputusan orang tua sendiri.

METODOLOGI DAN KAWASAN KAJIAN

Kawasan kajian ini tertumpu di daerah Marang dan Kuala Terengganu di negeri Terengganu. Daerah Kuala Terengganu dan daerah Marang dipilih kerana lokasi PAWE yang berdekatan ialah PAWE Marang. Hal ini adalah kerana di daerah Kuala Terengganu dan Kuala Nerus masih belum didirikan PAWE. PAWE adalah satu lokasi untuk orang tua menjalankan aktiviti sehari-hari bersama masyarakat yang dikelolakan oleh pihak kerajaan dan pihak NGO di negeri Terengganu. Kajian ini juga menumpukan kepada fungsi penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas dalam mensejahterakan orang tua di Terengganu. Oleh itu, persepsi masyarakat setempat mengenai isu dan cabaran warga emas di Terengganu akan dibuat penilaian.

Rajah 1: Peta Daerah Negeri Terengganu



Sumber : Pusat Komuniti Bestari Negeri Terengganu [https://sites.google.com/site/bistaritrg/Reflections](https://sites.google.com/site/bestaritrg/Reflections)

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kuantitatif dimana kajian ini menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada responden. Sampel responden dalam kajian ini dipilih dengan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang melibatkan 100 orang responden yang merupakan ahli komuniti berumur 60 tahun dan ke atas yang tinggal di daerah Kuala Terengganu dan daerah Marang, Terengganu. Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Melalui kaedah pensampelan bertujuan, responden mestilah terdiri daripada pelbagai kaum, umur, tahap pendidikan dan saiz keluarga. Oleh itu, sesi soal selidik telah dijalankan untuk mendapatkan maklum balas daripada responden. Sesi soal selidik telah dijalankan selama tempoh dua

minggu bermula 2 Februari 2020 dan berakhir pada 15 Februari 2020. Pada mulanya, sebanyak 150 borang soal selidik telah diedarkan kepada responden yang terlibat. Hanya 150 soal selidik diedarkan kerana penyelidik menghadapi kekangan masa dalam mengumpul maklumat. Walau bagaimanapun, selepas beberapa pertimbangan ke atas semua maklumat dalam soal selidik, pengkaji menentukan bahawa responden yang terlibat dalam kajian ini ialah hanya 100 orang dan mewakili enam kawasan terbabit. Pengkaji berharap saiz sampel daripada 100 orang responden boleh menggambarkan populasi sebenar kawasan kajian yang terlibat.

Borang soal selidik yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada empat (4) bahagian utama iaitu: (a) latar maklumat demografi responden (jantina, kumpulan umur, tahap pendidikan, agama, bangsa, status perkahwinan), (b) maklumat sosio-ekonomi responden (status pekerjaan sekarang responden, pendapatan sendiri dan isi rumah), (c) persepsi terhadap implikasi peningkatan warga emas dan (d) persepsi terhadap penubuhan PAWE.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Maklumat Demografi Responden

Jadual 1 menunjukkan maklumat demografi responden. Hasil kajian ini menunjukkan penglibatan responden warga emas wanita adalah sebanyak 60 peratus, manakala warga emas lelaki sebanyak 40 peratus. Dapatkan kajian ini selari dengan komposisi penduduk Terengganu berdasarkan umur dan jantina yang menunjukkan bahawa jantina lelaki mendominasi peringkat umur 0 hingga 44 tahun. Selepas umur 45 tahun, jantina perempuan mengambil alih dominasi sehingga umur 85 tahun ke atas dengan purata sebanyak 1 peratus perbezaan umur antara jantina lelaki dan perempuan. Hal ini juga dapat diperhatikan berdasarkan jangkaan hidup semasa lahir mengikut jantina di mana jantina lelaki dianggarkan hidup sehingga umur 69.5 tahun dan wanita adalah sekitar usia 75.1 tahun (Jabatan Perangkaan Terengganu, 2010). Jangkaan hidup untuk populasi lelaki dan wanita di negara ini merekodkan usia 71.9 tahun untuk lelaki dan 77 tahun untuk perempuan namun kemungkinan pada tahun 2020, usia jantina lelaki ialah 75.5 tahun dan jantina perempuan 80.4 tahun (Noor Azina & Tey Nai Peng, 2015). Perubahan populasi sebegini terjadi kerana faktor-faktor seperti pertambahan taraf hidup dan perkhidmatan kesihatan, peningkatan tahap pendidikan dan kemajuan ekonomi negara terutamanya (Rahimah et. al 2015).

Jadual 1: Maklumat demografi responden

Perkara	Frekuensi (n)	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	40	40.0
Perempuan	60	60.0
Jumlah	100	100.0
Kumpulan Umur (tahun)		
60 hingga 64 tahun	53	53.0
65 hingga 69 tahun	18	18.0
70 hingga 74 tahun	9	9.0
75 hingga 79 tahun	15	15.0
80 tahun dan ke atas	5	5.0
Jumlah	100	100.0
Tahap Pendidikan		
Darjah Enam	31	31.0
SRP/LCE/PMR	11	11.0

SPM	28	28.0
STPM/Diploma	7	7.0
Ijazah	4	4.0
Tidak Bersekolah	15	15.0
Lain-lain	4	4.0
Jumlah	100	100.0
Agama		
Islam	99	99.0
Buddha	1	1.0
Jumlah	100	100.0
Bangsa		
Melayu	98	98.0
Cina	1	1.0
Lain-lain	1	1.0
Jumlah	100	100.0
Status Perkahwinan		
Bujang	6	6.0
Berkahwin	56	56.0
Duda/Balu	22	22.0
Ibu Tunggal	16	16.0
Jumlah	100	100.0

Sumber: Kajian Lapangan (2021)

Hasil kajian dalam Jadual 1 juga menunjukkan kebanyakan responden (53 peratus) terdiri daripada kumpulan umur (60 hingga 64 tahun), diikuti dengan 18 peratus responden dari kumpulan umur 65 hingga 69 tahun, kumpulan umur 75 hingga 79 tahun (15 peratus), kumpulan umur 70 hingga 74 tahun (9 peratus) dan 5 peratus responden dari kumpulan umur 80 tahun dan ke atas. Dari segi tahap pendidikan, kebanyakan responden (31 peratus) hanya mendapat pendidikan sekolah rendah iaitu tamat darjah enam, manakala responden lepasan SPM (28 peratus), diikuti dengan responden yang tidak bersekolah (15 peratus), responden dari lepasan SRP/LCE/PMR (11 peratus), STPM/Diploma (7 peratus) dan lain-lain pendidikan (4 peratus).

Dari segi agama, hasil kajian ini mendapati majoriti responden adalah beragama islam (99 peratus), dan selebihnya adalah responden beragama Buddha (1 peratus). Kajian ini juga melibatkan orang tua berbangsa Melayu (98 peratus), diikuti dengan 1 peratus responden berbangsa Cina dan peribumi lain iaitu Iban (1 peratus). Selain itu, dapatan kajian menunjukkan kebanyakan responden (56 peratus) telah berkahwin, diikuti dengan 22 peratus responden berstatus duda atau balu, 16 peratus responden berstatus ibu tunggal dan responden berstatus bujang (6 peratus).

Maklumat Sosio-Ekonomi Responden

Jadual 2: Status Pekerjaan Sekarang Responden

Perkara	Frekuensi (n)	Peratusan (%)
Status Pekerjaan Sekarang		
Tidak Bekerja	84	84.0
Bekerja	16	16.0
Jumlah	100	100.0

Sumber: Kajian Lapangan (2021)

Jadual 2 di atas menunjukkan status pekerjaan semasa responden. Dapatan kajian mendapati 84 peratus responden tidak lagi bekerja. Hal ini disebabkan oleh faktor usia dan masalah kesihatan untuk warga emas untuk terus produktif. Berbeza dengan kajian White et al (2018) yang mendapati bilangan orang tua berumur 65 tahun ke atas yang tinggal di Amerika Syarikat (AS) diunjurkan meningkat dua kali ganda menjelang 2030 kepada 72 juta orang dewasa, iaitu mewakili 20% daripada jumlah penduduk AS. Data ini menunjukkan bahawa warga Amerika yang lebih tua bekerja lebih lama dan menghabiskan lebih banyak masa di tempat kerja. Sebaliknya, kajian ini mendapati 16 peratus responden masih bekerja pada usia emas kerana faktor hidup membujang dan berkahwin pada lewat usia serta masih mempunyai tanggungan isteri atau anak yang masih bersekolah atau sedang melanjutkan pelajaran di Universiti atau masih belum bekerja. Selain itu, dapatan kajian Sewdas et al. (2017) menyatakan bahawa faktor utama warga tua bekerja melebihi umur persaraan adalah untuk mengekalkan rutin harian dan faedah kewangan.

Jadual 3: Pendapatan sendiri dan isi rumah

Perkara	Frekuensi (n)	Peratusan (%)
Pendapatan Bulanan Sendiri		
RM 101 hingga RM 300	2	2.0
RM 301 hingga RM 500	3	3.0
RM 501 hingga RM 700	5	5.0
RM 701 hingga RM 900	2	2.0
RM 901 hingga RM 1100	9	9.0
Melebihi RM 1100	24	24.0
Tiada Pendapatan	55	55.0
Jumlah	100	100.0
Pendapatan Bulanan Keluarga		
Kurang daripada RM 1000	42	42.0
RM 1000 hingga RM 2000	32	32.0
RM 2000 hingga RM3000	10	10.0
RM 3000 hingga RM 4000	7	7.0
Melebihi RM 4000	9	9.0
Jumlah	100	100.0

Sumber: Kajian Lapangan (2021)

Jadual 3 menunjukkan jumlah pendapatan sendiri dan isi rumah responden. Hasil kajian menunjukkan 5 peratus responden tidak mempunyai sumber pendapatan. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Aishah@Eshah Haji Mohamed & Katiman Rostam (2012) di pinggir wilayah metropolitan, Selangor yang mendapati warga tua tidak mempunyai pendapatan yang tetap malah makanan, pakaian dan ubat-ubatan terpaksa ditanggung oleh penjaga kerana mereka tidak ada wang simpanan dan pendapatan. Selain itu, kajian ini menunjukkan terdapat 24 peratus responden mempunyai pendapatan sendiri melebihi RM 1100, diikuti dengan 9 peratus responden yang menerima gaji sebanyak RM 901 hingga RM 1100, 5 peratus responden berpendapatan RM 501 hingga RM 700, 3 peratus responden menerima pendapatan RM 301 hingga RM 500, manakala berpendapatan RM 101 hingga RM 300 diterima oleh 2 peratus responden dan pendapatan RM 701 hingga RM 900 juga diterima oleh 2 peratus responden yang lain.

Jadual 3 juga menunjukkan pendapatan isi rumah responden. Majoriti responden (42 peratus) mempunyai pendapatan isi rumah kurang daripada RM 1000, diikuti dengan 32 peratus responden yang menerima pendapatan isi rumah RM 1000 hingga RM 2000. Terdapat

9 peratus responden mempunyai pendapatan isi rumah melebihi RM 4000, dan selebihnya 7 peratus memperoleh pendapatan isi rumah RM 3000 hingga RM 4000. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tahun 2019, bagi kategori miskin dan miskin tegar, purata Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2019 seluruh negara ialah RM2,208, manakala purata PGK negeri Terengganu bagi tahun 2019 ialah RM2,507 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Ini menunjukkan bahawa majoriti responden orang tua yang terlibat dalam kajian ini merupakan golongan miskin. Kemiskinan masih menjadi kebimbangan utama dalam kalangan warga emas kerana Menurut Saidatulakmal Mohd et al (2016), warga tua mempunyai tenaga yang terhad untuk bekerja dan pendapatan terhad yang diterima semasa persaraan kebanyakannya digunakan untuk perbelanjaan penjagaan kesihatan.

Persepsi Terhadap Implikasi Peningkatan Warga Emas

Pengetahuan dan persepsi responden mengenai warga emas adalah penting untuk menyelesaikan cabaran orang tua pada masa kini dan masa hadapan. Jadual 4 menunjukkan pengetahuan dan perhubungan semasa responden. Kebanyakan responden (94 peratus) bersetuju dengan pernyataan bahawa bilangan warga emas semakin meningkat beberapa tahun kebelakangan ini di Malaysia, manakala 6 peratus responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini kerana tidak pasti keadaan semasa dan berpendapat bahawa warga emas semakin berkurang apabila lebih tinggi kadar kematian dengan peningkatan usia dan kelahiran bayi yang tinggi pada setiap tahun. Hasil kajian juga mendapati 88 peratus responden masih mempunyai kawan-kawan sebaya atau warga emas dan hanya 12 peratus responden tidak mempunyai kawan-kawan sebaya atau warga emas.

Jadual 4: Pengetahuan dan perhubungan semasa responden

Perkara	Ya		Tidak		Jumlah	
	(n)	(%)	(n)	(%)	(n)	(%)
Bersetujukah anda, jika bilangan warga emas semakin meningkat beberapa tahun kebelakangan ini?	94	94.0	6	6.0	100	100.0
Adakah anda mempunyai kawan-kawan sebaya ataupun warga emas?	88	88.0	12	12.0	100	100.0

Sumber: Kajian Lapangan (2021)

Jadual 5: Punca-punca peningkatan warga emas di Terengganu

Perkara	1	2	3	4	Jumlah
Kesihatan	68	0	0	0	68
Kemudahan Perubatan	13	29	0	0	42
Cara Pemakanan	6	17	21	0	44
Gaya Hidup-Bersenam	3	9	8	18	48

Sumber: Kajian Lapangan (2021)

Jadual 5 menunjukkan punca-punca peningkatan warga emas di negeri Terengganu. Faktor kesihatan menunjukkan pilihan utama bagi 68 peratus responden sebagai punca peningkatan warga emas. Punca ini boleh dikaitkan keadaan kesihatan yang baik membolehkan seseorang individu hidup lebih lama. Dapatkan ini selari dengan kajian Hoa et al. (2020) di China yang mendapati akses yang mencukupi kepada penjagaan kesihatan dapat dikaitkan dengan jangka hayat yang lebih lama dalam kalangan orang tua. Penemuan ini penting dalam usaha meningkatkan akses kepada penjagaan kesihatan di kalangan penduduk yang lebih tua.

Seterusnya, punca peningkatan warga emas kedua yang dipilih oleh 48 peratus responden ialah gaya hidup atau bersenam, kerana apabila mereka aktif bersenam, badan akan menjadi lebih sihat dan cergas. Kajian ini disokong oleh (Pressman & Cohen, 2005; Guven & Saloumidis, 2009) yang menyatakan bahawa pengurangan kadar kematian orang tua dapat dicapai melalui peningkatan kesihatan fizikal dan mental serta mengekalkan gaya hidup sihat, tidur yang mencukupi dan melakukan aktiviti fizikal.

Seterusnya, 44 peratus responden bersetuju sekiranya cara pemakanan menjadi punca kepada peningkatan warga emas. Cara pemakanan yang betul juga membolehkan seseorang kekal sihat walaupun sudah lanjut usia. Hasil kajian ini disokong oleh dapatan Turconi (2011) yang menyatakan bahawa pemakanan seimbang yang meliputi keperluan nutrien, gaya hidup yang sihat dan kualiti hidup yang lebih baik adalah faktor penting untuk penuaan yang sihat. Selain itu, 42 peratus responden berpendapat bahawa kemudahan perubatan yang disediakan merupakan antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan warga emas, kerana penyediaan kemudahan perubatan yang lengkap dan canggih akan membolehkan seseorang menikmati hidup yang lebih baik dengan adanya ubat-ubatan dan teknologi perubatan yang boleh menyembuhkan pelbagai penyakit. Pernyataan ini bertepatan dengan kajian Shrivastava et al. (2013) yang menyatakan bahawa perkhidmatan penjagaan kesihatan membolehkan peratusan jangka hayat orang tua meningkat.

Jadual 6: Masalah yang timbul apabila warga emas meningkat

Perkara	Frekuensi (n)	Peratusan (%)
Pada pendapat anda, Apakah masalah yang timbul akibat daripada peningkatan warga emas di Terengganu?		
Pengabaian warga emas	64	64.0
Masalah Kewangan	19	19.0
Masalah Kesihatan	11	11.0
Peningkatan Perkhidmatan Kesihatan	2	2.0
Negara akan mundur	2	2.0
Permintaan perkhidmatan sokongan seperti penjagaan kesihatan, faedah persaraan dan juga penjagaan jangka panjang.	1	1.0
Kekurangan kemudahan yang bersesuaian dengan warga emas	1	1.0
Jumlah	100	100.0

Sumber: Kajian Lapangan (2021)

Jadual 6 menunjukkan masalah yang mungkin timbul apabila warga emas meningkat di Terengganu. Implikasi peningkatan warga emas menyebabkan majoriti responden (64 peratus) berpendapat bahawa akan berlakunya pengabaian kepada warga emas. Kajian Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang telah diterbitkan oleh *Lancet Global Health* mendapati 4.2 peratus warga tua berusia melebihi 60 tahun telah mengalami pengabaian dan dapatan ini juga disokong oleh kajian Zaitie Satibi (2017) yang menyatakan peratusan pengabaian ini akan meningkat dengan peningkatan jumlah warga tua di Malaysia dan seluruh dunia.

Seramai 19 peratus responden berpendapat bahawa masalah kewangan juga merupakan antara implikasi yang mungkin timbul apabila jumlah warga emas meningkat. Selain itu, 11 peratus responden berpendapat bahawa masalah kesihatan akan timbul kesan dari peningkatan warga emas kerana golongan tersebut mempunyai ketahanan tubuh yang lemah untuk melawan penyakit. Terdapat juga responden yang berpendapat bahawa implikasi peningkatan warga emas menyebabkan berlakunya peningkatan perkhidmatan kesihatan (2 peratus), negara menjadi mundur (2 peratus), berlakunya permintaan perkhidmatan sokongan seperti penjagaan

kesihatan, faedah persaraan dan juga penjagaan jangka panjang (1 peratus) serta implikasi terhadap kekurangan kemudahan yang bersesuaian dengan warga emas (1 peratus).

Kajian ini disokong oleh dapatan Khadijah (2010), yang menepati kegunaan khidmat penjagaan yang terbatas boleh memberi permasalahan kepada anak yang mempunyai pendapatan yang kecil terutamanya orang Melayu yang mempunyai halangan dari segi memperoleh maklumat berkaitan penyakit orang tua mereka, program latihan penjagaan, *respite care*, sokongan dan penjagaan sepenuh masa orang tua sakit terlantar. Khadijah et al. (2011) juga mendapati, kekurangan sistem sokongan kebaikan dari semua pihak akan menambahkan bebanan anak untuk menjaga orang tua yang tidak boleh bergerak atau tidak sihat. Kehidupan yang semakin mencabar menyebabkan ahli keluarga seperti anak dan saudara-mara memerlukan bantuan dari pihak luar untuk menjaga mereka. Hal ini menunjukkan bahawa peningkatan populasi warga emas adalah cabaran sosial terpenting yang harus diberi perhatian. Menurut Zainab & Wan Ibrahim (2015), tiga cabaran yang akan dilalui oleh orang tua ialah permasalahan kewangan, kesihatan yang terjaga dan sokongan emosi.

Persepsi Terhadap Penubuhan PAWE

Jadual 7: Pengetahuan umum responden mengenai PAWE

Pernyataan	TS	STS	TP	S	SS	Jumlah
	Peratusan					
Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) ialah satu tempat untuk warga emas menjalankan aktiviti harian di dalam komuniti setempat bagi membolehkan warga emas berdikari, berinteraksi sesama mereka dan menjalankan aktiviti bersama dengan masyarakat setempat.	2.0	0	4.0	57.0	37.0	100
Penubuhan PAWE untuk menggalakkan warga emas menjalankan aktiviti dengan aktif dan bukannya berkonsepkan jagaan harian.	1.0	0	15.0	46.0	38.0	100
PAWE juga terdapat nama lain. Nama lain bagi PAWE sebelum ini ialah (PJJWT) yang bermaksud Pusat Jagaan Harian Warga emas.	1.0	3.0	20.0	46.0	30.0	100
Pengwujudan PAWE adalah satu alternatif bagi menangani isu dan cabaran warga emas pada masa kini dan masa akan datang.	1.0	2.0	8.0	56.0	33.0	100
PAWE memberi kemudahan kepada warga emas menjalankan aktiviti terutamanya bagi mereka yang tinggal keseorangan semasa ketidaaan ahli keluarga yang keluar bekerja.	2.0	2.0	3.0	59.0	34.0	100
PAWE menyediakan pelbagai kemudahan seperti kemudahan untuk beriadah, menjalankan program atau aktiviti berbentuk masakan, kraftangan, bersukan dan beriadah dan sebagainya.	2.0	1.0	6.0	56.0	35.0	100
Penubuhan PAWE menunjukkan bahawa masih terdapat warga emas yang mempunyai kepakaran untuk menyumbang kepada masyarakat.	2.0	1.0	7.0	56.0	34.0	100
Penubuhan PAWE membolehkan warga emas dapat terus hidup dalam suasana kekeluargaan walaupun ahli keluarga sibuk bekerja.	1.0	1.0	8.0	53.0	37.0	100
Adakah anda bersetuju bahawa penubuhan PAWE dapat memberikan kesan positif melalui pertambahan jumlahPAWE.	2.0	0	10.0	48.0	40.0	100

PAWE dapat membantu warga emas menjalani hidup yang lebih sejahtera. PAWE terdapat di daerah Marang, Besut dan Dungun.	1.0	0	10.0	52.0	37.0	100
Bersetujukah anda jika PAWE ditubuhkan di daerah Kuala Terengganu.	1.0	0	3.0	48.0	48.0	100
Penubuhan PAWE dapat mengelakkan warga emas daripada terabai.	1.0	2.0	3.0	48.0	48.0	100

Nota: TS=tidak setuju, STB=sangat tidak setuju, TP=tidak pasti, S=setuju, SS=sangat setuju

Pengetahuan dan pendapat responden mengenai PAWE adalah penting untuk mengetahui minat warga emas untuk menyertai aktiviti di PAWE. Jadual 7 menunjukkan pengetahuan responden mengenai PAWE. Kebanyakan responden faham dan bersetuju dengan penubuhan PAWE dan hanya sebilangan kecil yang tidak menyetujui pernyataan yang diberikan. Kebanyakan responden (46%) bersetuju dengan penubuhan PAWE iaitu untuk menggalakkan warga emas menjalankan aktiviti dengan aktif dan bukannya berkonsepkan jagaan harian. Responden juga kebanyakannya (46%) mengetahui nama lain bagi PAWE sebelum ini iaitu (PJHWT) yang bermaksud Pusat Jagaan Harian Warga emas, manakala 20% responden lagi tidak pasti. 56% responden bersetuju dengan kewujudan PAWE sebagai satu alternatif bagi menangani isu dan cabaran warga emas pada masa kini dan masa akan datang. Selain itu, sebanyak 59% responden bersetuju dengan penubuhan PAWE dalam memberi kemudahan kepada warga emas menjalankan aktiviti terutamanya bagi mereka yang tinggal keseorangan semasa ketiadaan ahli keluarga yang keluar bekerja. Majoriti 56% responden bersetuju dengan penubuhan PAWE yang menyediakan pelbagai kemudahan seperti kemudahan untuk beriadah, menjalankan program atau aktiviti berbentuk masakan, kraftangan, bersukan dan beriadah dan sebagainya. Penubuhan PAWE juga menunjukkan bahawa masih terdapat warga emas yang mempunyai kepakaran untuk menyumbang kepada masyarakat dan ia dipersetujui oleh 56% responden yang terlibat, manakala 7% responden tidak pasti. 53% responden menyedari bahawa penubuhan PAWE membolehkan warga emas dapat terus hidup dalam suasana kekeluargaan walaupun ahli keluarga sibuk bekerja dan turut bersetuju (48%) dengan penubuhan PAWE yang dapat memberikan kesan positif melalui pertambahan jumlahPAWE. 52% responden juga dilihat bersetuju, manakala 10% tidak pasti dengan fungsi PAWE dalam membantu warga emas menjalani hidup yang lebih sejahtera. Dapatan kajian ini juga mendapati 48% responden bersetuju dan 48% sangat bersetuju sekiranya PAWE ditubuhkan di daerah Kuala Terengganu. Responden juga kebanyakannya bersetuju dengan Penubuhan PAWE yang dapat mengelakkan warga emas daripada terabai.

Jadual 8 : Pengetahuan mengenai lokasi dan penyertaan aktiviti di PAWE

Perkara	Ya		Tidak		Jumlah	
	(n)	(%)	(n)	(%)	(n)	(%)
Adakah anda mengetahui kewujudan PAWE sebelum ini?	56	56.0	44	44.0	100	100.0
Adakah anda mengetahui di mana letaknya lokasi PAWE?	39	39.0	61	61.0	100	100.0
Adakah anda pernah menyertai program-program yang dijalankan di PAWE?	7	7.0	93	93.0	100	100.0

Sumber: Kajian Lapangan (2021)

Jadual 8 menunjukkan pengetahuan mengenai lokasi dan penyertaan aktiviti yang diadakan di PAWE. Kebanyakan responden (56 peratus) mengetahui kewujudan PAWE, manakala 44 peratus responden tidak mengetahui kewujudan PAWE kerana faktor tempat tinggal yang jauh

dari lokasi PAWE dan ketiadaan PAWE di bandar Kuala Terengganu. Namun begitu, 39 peratus responden mengetahui lokasi PAWE di Terengganu dan hanya 7 peratus responden pernah menyertai aktiviti di PAWE.

Jadual 9: Pecahan lokasi dan penyertaan program PAWE yang pernah disertai

Lokasi PAWE	Frekuensi (n)	Peratusan (%)
Marang	31	31
Kuala Berang	3	3
Dungun	2	2
Kemaman	2	2
Besut	1	1
Tidak Berkaitan	61	61
Jumlah	100	100.0
Program-program yang pernah dijalankan di PAWE		
Aktiviti Gotong Royong	3	3.0
Program Bacaan Yassin di PAWE	2	2.0
Kelas Fardu Ain.	2	2.0
Tidak Berkaitan	93	93.0
Jumlah	100	100.0

Sumber: Kajian Lapangan (2021)

Jadual 9 menunjukkan pecahan pengetahuan lokasi dan penyertaan program PAWE yang pernah disertai. Seramai 31 peratus responden mengetahui lokasi PAWE Marang. 31 peratus responden juga mengetahui lokasi PAWE di Kuala Berang, 2 peratus responden mengetahui lokasi PAWE Dungun dan 2 peratus mengetahui lokasi PAWE Kemaman dan hanya satu peratus sahaja responden yang mengetahui lokasi PAWE Besut. Namun, hanya sebahagian kecil responden sahaja yang pernah menyertai program-program yang dijalankan di PAWE iaitu gotong royong (3 peratus), program bacaan yassin di PAWE 2 peratus dan menghadiri kelas fardhu ain (2 peratus) responden.

Jadual 10: Pandangan dan pengetahuan responden mengenai PAWE Marang

Pernyataan	Ya		Tidak		Jumlah	
	(n)	(%)	(n)	(%)	(n)	(%)
Penubuhan PAWE Marang dapat memberi kesejahteraan kepada warga emas di Terengganu.	96	96.0	4	4.0	100	100.0
PAWE Marang menyediakan program atau aktiviti berbentuk masakan, kraftangan, bersukan atau beriadah dan sebagainya.	96	96.0	4	4.0	100	100.0
Pada pendapat anda, adakah program-program atau aktiviti berbentuk kraftangan, bersukan dan beriadah di PAWE Marang dapat mensejahterakan warga emas?	89	89.0	11	11.0	100	100.0
Adakah anda berminat untuk pergi ke PAWE?	51	51.0	49	49.0	100	100.0
Adakah anda mengetahui bayaran ke PAWE adalah percuma?	31	31.0	69	69.0	100	100.0

Sumber: Kajian Lapangan (2021)

Jadual 10 menunjukkan pandangan dan pengetahuan responden mengenai PAWE Marang. Seramai 96 peratus responden bersetuju bahawa penubuhan PAWE Marang dapat memberi kesejahteraan kepada warga emas di Terengganu. Selain itu, terdapat juga 96 peratus responden bersetuju dengan peranan PAWE dalam menyediakan program atau aktiviti berbentuk kraftangan, bersukan atau beriadah dan sebagainya. Namun, terdapat peratusan responden yang

tidak bersetuju dengan penubuhan ini kerana menganggap warga emas perlu tinggal bersama ahli keluarga. Sebanyak 89 peratus responden bersetuju bahawa program-program atau aktiviti berbentuk kraftangan, bersukan dan beriadah di PAWE Marang dapat mensejahterakan warga emas, manakala 11 peratus lagi tidak bersetuju kerana faktor usia dan masalah kesihatan untuk melakukan hal tersebut dan mahu lebih fokus kepada mendalami ilmu agama seperti pengisian seperti ceramah agama dan kelas mengaji al-quran sahaja.

Dapatan kajian juga mendapati, sebanyak 51 peratus responden menyatakan bahawa mereka minat untuk pergi ke PAWE manakala 49 peratus lagi tidak berminat kerana masalah kesihatan dan mempunyai anak cucu dan saudara-mara berdekatan rumah kediaman. Kajian ini turut mendapati 69 peratus responden juga tidak mengetahui bahawa adalah bayaran untuk ke PAWE adalah percuma, manakala 31 peratus responden mengetahui tentang bayaran secara percuma tersebut. Responden yang mengetahui tentang bayaran secara percuma tersebut kerana tinggal berdekatan PAWE dan turut melibatkan diri dalam aktiviti di PAWE atau mempunyai kenalan yang pernah menyertai aktiviti di PAWE.

Jadual 11: Sebab responden tidak menyertai aktiviti di PAWE

Perkara	Frekuensi (n)	Peratusan (%)
Sebab tidak menyertai aktiviti yang dijalankan di PAWE?		
Tidak tahu kewujudan PAWE	44	44.0
Tidak tahu Aktiviti yang dijalankan di PAWE	24	24.0
Tiada kenderaan untuk pergi ke PAWE	10	10.0
Tiada siapa yang boleh menghantar dan mengambil saya ke PAWE.	6	6.0
Masalah Kesihatan	8	8.0
Pergi ke Masjid/Kelas agama	1	1.0
Tidak Berkaitan	7	7.0
Jumlah	100	100.0

Sumber: Kajian Lapangan (2021)

Jadual 11 menunjukkan sebab-sebab responden tidak menyertai aktiviti di PAWE. Sebanyak 93 peratus responden didapati tidak menyertai aktiviti dan proram yang terdapat di PAWE. Sebanyak 44 peratus responden menyatakan sebab utama mereka tidak pergi ke PAWE adalah kerana tidak tahu kewujudan PAWE, manakala 24 peratus responden tidak tahu aktiviti yang dijalankan di PAWE dan 10 peratus responden pula menyatakan bahawa mereka tiada kenderaan untuk pergi ke PAWE. Selain itu, 6 peratus responden mempunyai kesukaran tiada individu yang boleh menghantar dan mengambil mereka ke PAWE, manakala 8 peratus responden mempunyai masalah kesihatan yang menghalang mereka untuk menyertai program di PAWE dan satu peratus responden telah mengisi masa lapang mereka dengan aktiviti ke masjid atau kelas agama.

KESIMPULAN

Kajian menunjukkan separuh daripada responden sedar tentang kewujudan PAWE dan sememangnya penubuhan PAWE Marang dalam mensejahterakan orang tua melalui penyertaan ahli berdaftar yang semakin bertambah dari awal pembukaan hingga sekarang. Berbagai-bagai aktiviti tersedia di tempat ini termasuklah aktiviti keagamaan, riadah, terapi dan pemulihan, pemeriksaan kesihatan, ceramah kesihatan dan latihan yang bersesuaian. Namun, banyak ahli komuniti tidak sedar dengan kewujudan program ini. Oleh yang demikian,

penghebahan maklumat mesti diperbanyakkan lagi supaya masyarakat sedar tentang kewujudannya dan objektif penubuhannya tercapai. Pihak JKM boleh bergabung dengan pihak lain iaitu Majlis Bandaraya bagi melihat keberkesanan dalam penyampaian maklumat dan peranan PAWE perlu diperhebakan lagi bagi memberi sokongan kepada orang tua yang membuat pilihan hidup berdikari dalam mensejahterakan orang tua dan PAWE hendaklah ditubuhkan di daerah Kuala Terengganu dan Kuala Nerus bagi terus mensejahterakan warga emas.

Golongan warga emas sangat mengharapkan anak-anak menjaga mereka pada hari tua. Jelaslah, orang tua pada usia tua amat mengharapkan sokongan fizikal, sosial dan kewangan untuk jaminan taraf hidup yang lebih baik pada hari tua (Usman Yaakob, 2001). Contohnya, pengkajian Asnarulhadi Abu Samah et, al. (2008) memperoleh bahawa orang tua mesti mempunyai sokongan fizikal dan lain-lain seperti aktiviti menziarahi, ekonomi yang baik dan kasih sayang yang merupakan tiga sokongan yang amat diharapkan oleh orang tua dari anak dewasa. Keperluan dalam berbelanja harian untuk saraan hidup dan kesihatan yang kurang memuaskan adalah sebab-sebab utama orang tua menginginkan sokongan dari anak dewasa. Kajian Noraini Che' Sharif, et, al. (2015) membuktikan bahawa pengurangan perhatian dan penjagaan menyeluruh mengakibatkan orang tua tidak merasakan kasih sayang untuk merasai hari tua yang sejahtera. Selain emosi yang terabai, kewangan dan kebendaan juga boleh diabaikan anak dewasa dalam tanggungjawab memberi sara hidup dan ada anak dewasa yang meminjam wang dari ibu bapa. Alasan pekerjaan dan lokasi penempatan, kurang interaksi orang tua dan anak dewasa, ketidakbolehpercayaan orang tua bahawa anak dewasa mampu menjaga mereka, sikap mereka, bebanan kewangan anak dewasa dan tahap kesihatan orang tua menyebabkan berlakunya pengabaian populasi emas.

Perubahan taraf hidup dan perkhidmatan kesihatan, peningkatan tahap pendidikan dan kemajuan ekonomi negara terutamanya. (Rahimah et. al 2015). Peningkatan jangka hayat manusia bukan hanya mengakibatkan peningkatan populasi tua tetapi juga meningkatkan berbagai-bagai masalah sosial dalam komuniti terutamanya berkaitan kesihatan, pengurusan ekonomi dan pendapatan orang tua itu sendiri. Masalah yang timbul apabila warga emas meningkat di Terengganu antaranya ialah pengabaian warga emas, masalah kewangan, masalah kesihatan, peningkatan perkhidmatan kesihatan, negara akan mundur, permintaan perkhidmatan sokongan seperti penjagaan kesihatan, faedah persaraan dan juga penjagaan jangka panjang dan kekurangan kemudahan yang bersesuaian dengan warga emas. Pengabaian warga emas akan berlaku kerana dengan keadaan ekonomi sekarang, wanita juga keluar bekerja dan tiada anak yang boleh menjaga ibu bapa kerana kekangan kewangan. Jumlah pekerja wanita pada tahun 2016 adalah sebanyak 53.9 peratus jika hendak dibandingkan tahun 2012 hanya mencatatkan 49.5 peratus (KPWKM, 2017) dan 19 peratus responden bersetuju masalah kewangan terjadi kerana tiada wang ringgit atau simpanan serta anak-anak responden telah mempunyai tanggungan lain dan kos rawatan yang tinggi.

PENGHARGAAN

Penyelidik ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada Universiti Sains Malaysia kerana membiayai projek ini melalui Geran Jangka Pendek (304/PJJAUH/6315265).

RUJUKAN

- Agnes Sombuling, Chua Bee Seok, Carmella E. Ading & Patricia Joseph Kimong. (2017). Tahap Daya Ingatan Warga Emas berdasarkan penglibatan dalam Aktiviti Sosial. *Prosiding Simposium Psikologi dan Kesihatan Sosial-I 2017*.
- Aishah@Eshah Haji Mohamed & Katiman Rostam (2012). Warga tua Melayu di pinggir wilayah metropolitan, Selangor: Pengalaman dan persepsi tentang diri. *GEOGRAFIA*, 8(6): 1-14.
- Arena Che Kalsim dan Syukriah Che Kassim (2001). *Tanggungjawab anak terhadap warga tua menurut perspektif Islam*.
- Asnarulhadi Abu Samah, Norbaya Ahmad, Abd. Halin Hamid, Ma'rof Redzuan, Mohamad Bagat & Amna Md Noor, (2008). Sokongan sosial yang diharapkan dari famili oleh warga emas Malaysia. *Malaysia Journal of Social Policy and Society*, 5 144-156.
- Bilangan Penduduk Negeri Terengganu Mengikut Kumpulan Etnik. (2018). http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/bilangan-penduduk-negeri-terengganu-mengikut-kumpulan-etnik/resource-/c40d8aaf-4147-48a7-ba86-86-a7843af6f1.
- Chua, Y.p. (2011), Kaedah dan statistik penyelidikan: kaedah penyelidikan. Megraw-Hill. Elni Baharuddin dan Zainab Ismail (2013). Hubungan kecerdasan rohaniah warga emas dengan amalan agama di rumah Kebajikan. *Islammiyyat*, 35 (1), 19-28.
- Fareez Azman. (2019) Purata hayat kaum lelaki di Malaysia hanya 73 tahun. Astro Awani. Dicapai pada 23 Oktober 2020 dari <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/purata-hayat-kaum-lelaki-di-malaysia-hanya-73-tahun-202357>.
- Hao, L., Xu, X., Dupre, M.E. et al. Adequate access to healthcare and added life expectancy among older adults in China. *BMC Geriatr* 20, 129 (2020). <https://doi.org/10.1186/s12877-020-01524-9>.
- Horizon, (2017). Thailand Official Trade Newsletter. Dicapai pada 26 April 2021 dari <http://2017.ditpthinkthailand.com/index.php/ms-my/industry/630-robotics-masa-depan-penjagaan-warga-tua>.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (1995). Dasar Warga emas Negara. Dicapai pada 24 Oktober 2020 dari <https://pardocs.sinarproject.org/documents/2016-march-parliamentary-session/written-replies-soalan-bertulis/soalan-522.pdf>.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2011). Dasar Warga Emas Negara. Dicapai pada 24 Oktober 2020 dari https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dasar/Dasar%20Warga%20Emas_2011.pdf.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2021). Senarai Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Dicapai pada 14 Jun 2021 dari <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal%2Fteams&cat=pawe&id=d21PdVdCTGpEVWJ3VTVSTjdQdWZldz09&ActivityCenter%5Bstate%5D=Terengganu&ActivityCenter%5Bdistrict%5D=>.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah Dan Kemudahan Asas. Dimuat turun pada 26 mac 2022 daripada https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/1_Articles_By_Themes/Prices/HIES/HIS-Report/HIS-Malaysia-.pdf.
- Jabatan Perangkaan Terengganu. (2020). Statistik Penduduk Terengganu. Dicapai pada 23 Oktober 2020 dari https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM_DOSM.TERENGGANU_1.2020_Siri-85.pdf.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). Saiz Penduduk dan kadar Pertumbuhan Tahunan. Dicapai pada 23 Oktober 2020 dari https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&ccat=155&bul_id=OVByWjg5YkQ3MWZFZRTN5bDJiaEVhZz09&menu_id=L0pheU43NWJwRWVSZklWdzQ4TlhUUTo9.

- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). Anggaran Penduduk Semasa. Dicapai pada 23 Oktober 2020 dari <https://makkalosai.com.my/2020/07/15/penduduk-malaysia-dianggarkan32-7-juta-pada2020/>.
- Kementerian Pembangunan Keluarga, Wanita dan Masyarakat. (2016). Buku Perangkaan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Dicapai pada 24 Oktober 2020 dari <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Penerbitan/Buku%20Perangkaan/Perangkaan%202016.pdf>.
- Kementerian Pembangunan Keluarga, Wanita dan Masyarakat. (2018). Dasar Warga Emas Negara. Dicapai pada 24 Oktober 2020 dari <http://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/converted/6803/DasarWargaEmas1.pdf>.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (2008). Panduan Penjagaan Warga Emas. Dicapai pada http://www.infosihat.gov.my/media/garisPanduan/GP_Warga%20Emas/GP_PanduanPenjagaWargaEmas.pdf.
- Khadijah Alavi (2010). Pengalaman Penjagaan Ibu Bapa Tua Oleh Anak Dewasa: Satu Kajian Dalam Kalangan Penduduk Melayu Bandar Berpendapatan Rendah. *Akademika*, 78(1) : 77-87.
- Khadijah Alavi & Rahim M Sail, Khairuddin Idris, Asnarulkhadi Abu Samah & Christine Chan (2011). Keperluan Sokongan Emosional Dalam Kalangan Anak Dewasa yang Menjaga Warga emas. *Jurnal e-Bangi* 6 (1): 102-114.
- Mahani Ishak, Berita Harian. (2019). Dicapai pada 15 November 2020 dari <https://www.bharian.com.my/wanita/sihat/2019/04/551621/bersenam-150-minit seminggu-kekali-sihat>.
- Majlis Daerah Marang. Maklumat Taburan Penduduk Marang. Dicapai pada 24 Oktober 2020 dari <http://www.mdmarang.gov.my/ms/rakyat/maklumat-taburan-penduduk>.
- Nor hidayah Othman. (2021). Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Dicapai pada 13 Jun 2021 dari <https://norhidayahothman.wordpress.com/piramid-makanan/>.
- Nik Norliati Fitri Md Nor, Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid, Suriati Ghazali (2021). Isu Kemiskinan dan Sokongan Sumber Kewangan dalam kalangan Warga emas: Kajian Kes di Pahang. Sains Humanika. Universiti Sains Malaysia.
- Noor Aziana dan Tey Nai Peng (2015). Kertas Kerja Persidangan Meja Bulat Realiti Masyarakat Menua: Punca dan Cabarannya di Malaysia. Anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia. Dewan Besar IKIM, Kuala Lumpur, 17 Mac.
- Noraida Ibrahim, Zarina Mat Saad & Fatimah Zailly Ahmad Ramly, (2014). Keberkesanan PAWE kepada tahap kesejahteraan hidup warga emas yang menjalani aktiviti di PAWE. *Jurnal Pembangunan Sosial (Edisi Khas) Policy & Profesional Development* : 87-100.
- Noraini Che' Sharif, Khadijah Alavi, Ponnusamy Subramaniam & Zainah Ahmad Zamani. (2015). Pengalaman dan faktor pengabaian warga emas dalam komuniti. *Jurnal of Sciences and Humanities*, 10 (1), 118-134.
- Norisma AizaIsmail, Nurizan Yahya & Tengku Aizan Abd, Hamid (2008).Sokongan sosial di kalangan wanita miskin lewat usia. *Malaysian Journal of Social Policy and Society*, 5, 195-206.
- Nor Raudah Siren. (2015). Psikologi dan PenerimaanWarga Emas di Kompleks Warga Emas Al-Jenderami. *Jurnal Usuluddin*, 41 (Januari-Jun),73-93.
- Nur Syakiran Akmal Ismail, Kalthum Hassan, Norehan Abdullah & Shamzaeffa Samsudin. (2017). *Malaysian Journal of Society and Space* 13, 75-85.
- Plan Malaysia (2019). Rancangan Struktur Negeri Terengganu. Dicapai pada 23 Oktober 2020 dari [https://www.planmalaysia.gov.my/rt/rsnt_terengganu2050/Draf%20RSNT%202050%20\(Kaji%20Semula\).pdf](https://www.planmalaysia.gov.my/rt/rsnt_terengganu2050/Draf%20RSNT%202050%20(Kaji%20Semula).pdf).
- Pressman SD & Cohen S. (2005). Does positive affect influence health? *Psychol Bull*. 131: 925–71.
- Rahimah Ibrahim, Norisma AizaIsmail, Siti Suhailah Abdullah & Nurhilmiyani Ismail (2015). Perkhidmatan Kesihatan dan Kesejahteraan Warga Emas, Kertas Kerja Persidangan Meja Bulat Realiti Masyarakat Menua: Punca dan Cabarannya di Malaysia. Anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia. Dewan Besar IKIM, Kuala Lumpur, 17 Mac.

- Rosfazila Abd. Rahman, Nor Hafizah Mohd Haridi, Norsaleha Salleh & Abdul Razif Zaini. (2018). Bentuk Metodologi Dakwah Warga Emas: Analisis Rumah Ehsan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). *Jurnal Pengajian Islam*, 11 (1), 41-51.
- Saidatulakmal Mohd, Abdelhak Senadjki & Norma Mansor (2016): Trend of Poverty among Elderly: Evidence from Household Income Surveys, *Journal of Poverty*, DOI: 10.1080/10875549.2016.1186779.
- Sewdas, R., de Wind, A., van der Zwaan, L., van der Borg, W. E., Steenbeek, R., van der Beek, A. J., & Boot, C. (2017). Why older workers work beyond the retirement age: A Qualitative study. *BMC public health*, 17(1), 672. <https://doi.org/10.1186/s12889-017-4675-z>.
- Shrivastava SRBL, Shrivastava PS, Ramasamy J. Health-care of elderly: Determinants, needs and services. *Int J Prev Med*. ;4:1224-5.
- Siti Farah Eliani Solleh, Sinar Harian (2020). Dicapai pada 15 November 2020 <http://www.google.com/amp/s/wwwsinarharian.com.my/ampArticle/68768>
- Suridah. (2016). Kualiti hidup pesara lelaki dan wanita Malaysia: Kajian kes di Besut, Terengganu. *Malaysian Journal of Society and Space* 12, 11-21.
- Thamil Chelvi & Suresh Kumar N Vellymay. (2017). Dorongan penempatan dan keselesaan diri warga di Rumah Seri Kenangan (RSK), Taiping, Perak. *E-bangi Journal of Sciences and Humanities*, 12(1), 90-109.
- Turconi G (2011) Healthy Aging: Nutritional Intervention to Improve and Extend Quality of Life among Older People. *J Nutr Food Sci* 1:e101.
- Usman Yaakob. (2001). Peranan Keluarga dalam penjagaan warga emas di Malaysia. *Jaminan Sosial Warga emas*. Petaling Jaya : Prentice Hall Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Vvkipedla. (2021). Penjagaan warga emas-Eldery care. Dicapai pada 5 Jun 2021 dari http://ms.vvkipedla.com/wiki/Eldery_care.
- Vvkipedla. (2021). Penjagaan jangka panjang-Long-term-care. Dicapai pada 5 Jun 2021 dari http://ms.vvkipedla.com/wiki/Long-term_care.
- Wikipedia. (2021). Kuala Terengganu. Dicapai pada 5 Jun 2021 dari https://ms.wikipedia.org/wiki/Kuala_Terengganu.
- White MS, Burns C, Conlon HA. The Impact of an Aging Population in the Workplace. *Workplace Health & Safety*. 2018;66(10):493-498. doi:10.1177/2165079917752191.
- World Health Organization (2008). *Age-Friendly Primary Health Care Centre Toolkit*. Dicapai pada 24 Oktober, 2020 dari http://www.who.int/ageing/publications/AF_PHC_Centretoolkit.pdf.
- Yan, E., Chan, K.-L & Tiwari, A (2015). A Systematic Review of Prevalence and Risk Factors for Elder Abuse in Asia. *Trauma, Violence & Abuse*, 16(2), 199-219. doi:<http://dx.doi.org/10.1177/1524838014555033>.
- Zainab Ismail & Wan Ibrahim Wan Ahmad (2015). Sokongan Keluarga Terhadap Warga emas. Dlm Institusi Keluarga di Malaysia: Peranan dan Kualiti , disunting oleh Rika Fatimah & Abdul Aziz Jemain, hlm. 81-95. Bangi: Penerbit UKM.
- Zaitie Satibi. (2017). Kian ramai warga tua didera | Harian Metro. Retrieved March 17, 2018, from <https://www.hmetro.com.my/sihat/2017/07/243481/kian-ramai-warga-tua-didera>.

MAKLUMAT PENULIS

NOR AZILA BINTI SALLEH

Pelajar

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
Universiti Sains Malaysia
11800 Minden, Pulau Pinang
norazila@student.usm.my

SITI MASAYU ROSLIAH ABDUL RASHID (PENGARANG KORESPONDEN)

Pensyarah Universiti
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
Universiti Sains Malaysia
11800 Minden, Pulau Pinang
masayurashid@usm.my

NIK NORLIATI FITRI MD NOR

Pensyarah Universiti
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
Universiti Sains Malaysia
11800 Minden, Pulau Pinang
nikfitri@usm.my